

**NO. SOALAN: 448**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**

**RUJUKAN : 8750**

**SOALAN:**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan pekerja asing yang didakwa dalam tahun 2014 dan 2015 atas kesalahan berada di Malaysia tanpa dokumen yang sah. Nyatakan juga bilangan pekerja asing yang dikenakan hukum penjara dan bilangan yang dikenakan hukum sebat.**

**JAWAPAN:**

**Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini sepanjang 1 Jan 2014 sehingga 31 Disember 2015:**

- i. sejumlah 67,758 pekerja asing yang telah ditangkap atas kesalahan berada di Malaysia tanpa dokumen yang sah (PATI) dan seramai 21,649 orang PATI telah didakwa di Mahkamah dibawah kesalahan yang sama; dan**
- ii. lanjutan daripada itu, seramai 15,779 orang PATI didapati bersalah dan dikenakan hukuman penjara.**